

**Najib akan muncul di televisyen 11.30 pagi, dijangka membubarkan Parlimen
Malaysian Insider
April 3,2013**

KUALA LUMPUR, 3 April — Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak akan ke udara secara langsung di stesen televisyen nasional jam 11.30 pagi ini, menurut pegawai dari pejabatnya, dijangka akan membubarkan Parlimen untuk memberi laluan kepada pilihan raya umum.

Najib, yang mana gabungan dipimpinnya berkemungkinan berhadapan dengan cabaran terbesar dalam pilihan raya kali ini selepas 56 tahun memerintah, dijangka akan menggunakan televisyen untuk mengumumkan pilihan raya, menurut dua sumber dalam kerajaan kepada Reuters.

Pilihan raya dijangka akan diadakan pada penghujung April.

Gabungan Barisan Nasional (BN) Najib hilang majoriti tradisi dua pertiga di parlimen buat pertama kali pada pilihan raya 2008 dan berhadapan dengan gabungan tiga parti yang diketuai oleh bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-akan-muncul-di-televisyen-11.30-pagi-dijangka-membubarkan-parlimen/>